

WAKTU SOLAT

Daerah Petaling dan kawasan yang sewaktu dengannya



| SUBUH | SYURUK |
|---------|--------|
| 05:52 | 07:10 |
| ZUHUR | ASAR |
| 13:19 | 16:31 |
| MAGHRIB | ISYAK |
| 19:24 | 20:34 |

MUTIARA AL-QURAN



Dan Kami jadikan (sifat tamak dan gila mereka kepada harta benda dan pangkat itu sebagai) sekatan (yang menghalang mereka daripada memandang kepada keburukan dan kesingkatan masa dunia yang ada) di hadapan mereka, dan sekatan (yang menghalang mereka daripada memikirkan azab yang ada) di belakang mereka (pada hari kiamat). lalu Kami tutup pandangan mereka; maka dengan itu, mereka tidak dapat melihat (jalan yang benar)

Surah Yassin ayat 10

Sebarang cadangan & komentar sila e mailkan kepada kami di: suarapiu@yahoo.com atau, hubungi kami di:

PUSAT ISLAM UNIVERSITI,
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA,
43400 UPM SERDANG,
SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL: 03-89468582
FAKS: 03-89483742

HEBAHAN & MAKLUMAN



1. Imam / Khatib yang bertugas Juma'at minggu ini **23 Ogos 2013 / 16 Syawal 1434H** : **Drs. Wan Aminurrashid bin Wan Abdul Hamid.**

2. Sesi Bacaan al-Quran & terjemahan sebelum Solat Fardhu Juma'at , **Ayat 47 - 54 Surah al-Fussilat** yang akan disampaikan oleh **Ustaz Mohd Asri bin Drahman** (Al-Quran) & (Terjemahan)

3. Pusat Islam Universiti, Universiti Putra Malaysia dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan menganjurkan **Kursus Pra Perkahwinan** pada 24-25 Ogos 2013 (Sabtu-Ahad) jam 8.00 pagi – 5.00 petang bertempat di Dewan Ibnu Sina, Pusat Islam Universiti, UPM. Yuran penyertaan staf RM70.00 /pelajar RM 60.00. Untuk Maklumat lanjut tuan/puan bolehlah menghubungi Ustazah Siti Rohani (03-8946 8582) atau Mohd Firdaus (03-8946 8582). Penyertaan terbuka kepada staf dan pelajar UPM sahaja.

4. Pusat Islam Universiti, Universiti Putra Malaysia dengan kerjasama Kariah Serdang akan mengadakan **Majlis Meraikan Bakal Haji 1434H** pada 29 Ogos 2013 (Khamis) selepas Solat Maghrib bertempat di Masjid UPM. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan kepada staf UPM dan peserta Kursus Haji Bersiri 1434H Masjid UPM yang terpilih untuk menunaikan haji pada musim ini, menghubungi Pusat Islam Universiti di talian 03-89468588/8582 dengan kadar segera. Selamat Menunaikan Fardhu Haji.

JADUAL KULIAH MINGGUAN MASJID

| OGOS 2013 | | |
|-----------|--------|---|
| 23 | JUMAAT | Fiqh Lengkap : Ust. Hj. Ismail bin Hj. Omar |
| 24 | SABTU | Kuliah Subuh Sirah Nabawiyah : Dr. Abd. Rahman bin Mahmod Kuliah Maghrib Ulum At-Tajwid : Ust. Fauzi bin Ariffin |
| 25 | AHAD | Kuliah Subuh Amalan Sepanjang Hayat : Ust. Hj. Yusuf bin Abas Kuliah Maghrib Hadith Qudsi : Ust. Hj. Hashim bin Mahmud |
| 26 | ISNIN | Fiqh al-Aulawiyat : Dr. Mohd Sukki bin Othman |
| 27 | SELASA | Riyadh al-Solihin : Prof. Madya Dr. HJ. Wahab bin Md Salleh |
| 28 | RABU | Hisn al-Muslim : Ust. Alzasha Illiyyin bin Zainal Alam |
| 29 | KHAMIS | Bacaan Surah Yasin |

مِمْبَارُ بَطْرَا

Mimbar Putra



RISALAH JUMAAT MINGGUAN MASJID UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Mimbar Putra/17/2013

"PERCANGGAHAN FAHAMAN SYIAH DENGAN AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH (Petikan Khutbah JAIS)

SEDUTAN KHUTBAH



Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah membuat keputusan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak. Penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarangsama sekali. Menetapkan bahawa semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada undang-undang Islam Hukum Syarak yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah sahaja. Dan Muzakarah tersebut jugamenetapkan bahawa sebarang penerbitan, penyiaran atau penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan lain-ain berhubung dengan ajaran yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah diharamkan. Negeri Selangor juga fatwa pengharaman Syiah telah dikeluarkan pada 14 Februari 1998 yang memutuskan bahawa:

"Fahaman dan ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Fahaman dan ajaran ini perlu disekat keseluruhannya".

Implikasi daripada penyebaran atau penuluran fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah boleh menyebabkan perpecahan di kalangan umat Islam di negara ini. Peristiwa-peristiwa sejarah masa silam memperlihatkan kepada kita bahawa permusuhan, persengketaan dan pertumpahan darah adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan jika fahaman Syiah dibiarkan bertapak di dunia Islam. Syiah menganggap orang-orang Islam dari kalangan Ahli Sunnah halal darahnya dan harus dibunuh terutama dengan cara yang tidak diketahui olehsesiapapun. Pada hari ini pendedahan tentang pergolakan di timur tengah melibatkan golongan Nusayriah iaitu satu cabang pelampau aliran Syiah telah mengakibatkan pembunuhan ke atas warga Sunni. Kebencian bersangatan golongan Syiah

warga Sunni. Kebencian bersangatan golongan Syiah terhadap umat Islam Sunni dipaparkan.

dalam bentuk pembunuhan hatta terhadap kanak-kanak tanpa sebarang belas kasihan di mana sejumlah hampir 110,000 nyawa mereka yang tidak berdosa terkorban dalam konflik berdarah hampir dua (2) tahun di Syria. Bahkan mereka menembak menara-menara masjid, memperolok-olokkan solat umat Islam Sunni, membakar al-Qur'an dan mencemarkan masjid. Berdasarkan hakikat ini jugalah, seorang tokoh cendekiawan Islam terkenal Prof. Dr. al-Syeikh Yusuf al-Qardhawi dalam komentar terbarunya berkaitan Syiah menegaskan bahawa Syiah adalah golongan yang kafir dan menyesatkan.

Berdasarkan pengalaman lalu mahupun perkembangan semasa, Malaysia amnya dan Negeri Selangor khasnya tidak mahu perkara sedemikian berlaku dan ternyata fahaman Syiah boleh meninggalkan kesan pemikiran negatif, pendustaan berleluasa, kekeliruan dalam pengajaran Islam, menyebar atau menular amalan syirik yang akhirnya mewujudkan perpecahan besar di kalangan umat Islam.

Dalam usaha membanteras penuluran fahaman Syiah ini, Jabatan agama Islam Selangor mendapat kerjasama sepenuhnya dari Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pendaftar Pertubuhan (ROS), Lembaga Penapisan Filem (LPF) berkaitan kawalan bahan penerbitan, pengeluaran cakera padat atau cakera padat digital dan Jabatan Imigresen. Sebagai penegasan, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor selaku ketua agama negeri ini telah menitahkan agar tiada rakyat di Negeri Selangor menganut fahaman Syiah yang telah difatwa dan diwartakan menyeleweng daripada fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah (dengan sebab persediaannya) maka dialah yang beroleh petunjuk; dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah (dengan sebab keingkaranannya) maka merekalah orang-orang yang rugi" (Al-A'raf : 178)